



فرمان كومان اقتصاد نكرى كلنتن

PERBADANAN KEMAJUAN IKTISAD NEGERI KELANTAN  
KELANTAN STATE ECONOMIC DEVELOPMENT CORPORATION



PENGERAK PEMBANGUNAN UMMAH

# LAPORAN TAHUNAN 2010

## ANNUAL REPORT 2010



## **KANDUNGAN** **CONTENTS**

**MISI & FALSAFAH KORPORAT**  
*Corporate Mission and Philosophies*

**AHLI LEMBAGA PENGARAH**  
*Board of Directors*

**STRUKTUR ORGANISASI PKINK**  
*PKINK Organisation Structure*

**KUMPULAN PENGURUSAN**  
*Management Team*

**PERUTUSAN PENERUSI**  
*Chairman's Statement*

**PERISTIWA KORPORAT**  
*Corporate Event*

**PENYATA KEWANGAN BAGI TAHUN  
BERAKHIR 31 DISEMBER 2009**  
*Financial Statements for the year Ending  
31st December 2009*





*"Wahai manusia! Makanlah apa yang baik & dihalalkan di dunia & janganlah kamu mengikuti langkah syaitan" (Al-Baqarah: 168)*

**( Al-Baqarah: 169 )**

## MISI KORPORAT

*Corporate Mission*

**Sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam menerajui pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam untuk kesejahteraan Ummah.**

*A corporate body is responsible for steering the development and growth of Kelantan, in accordance with Islamic principles for the welfare of mankind.*

## FALSAFAH KORPORAT

*Corporate Philosophy*

**Membina sebuah kumpulan yang teguh, dinamik dan berdayasaing untuk menerajui pembangunan ekonomi negeri.**

**Mensasarkan pertumbuhan yang mapan dengan menceburi perniagaan yang memiliki kelebihan dayasaing, di samping mengekalkan rasa tanggungjawab kepada masyarakat.**

**Menggalakkan aktiviti komersil serta mewujudkan peluang pekerjaan di samping membantu menggalakkan pertumbuhan ekonomi serta meningkatkan kerjasama antara sektor kerajaan, pihak swasta dan masyarakat keseluruhannya.**

**Menghormati setiap pelanggan dan membalas kesetiaan mereka dengan perkhidmatan yang baik dan produk yang berkualiti melalui dedikasi yang unggul.**

**Berpegang teguh kepada nilai-nilai Islam sebagai prinsip dan panduan ke arah mencapai matlamat korporat dan untuk kesejahteraan ummah.**

**Menghasilkan kumpulan kerja yang berkualiti melalui pengwujudan persekitaran kerja yang menjamin peningkatan dan perkembangan peluang kerjaya, di samping menggalakkan semangat berkumpulan serta mewujudkan sikap saling hormat-menghormati dan mempercayai di setiap peringkat dalam organisasi.**

**Menerima pakai amalan-amalan pengurusan sejagat yang terbukti keunggulan dan menggunakan teknologi terbaik bagi menjamin keterampilan pengurusan serta keberkesanan kos.**

*To build a competitive, dynamic and sturdy Group that will spearhead the state economic development.*

*To pursue a sustainable growth and to venture into businesses in which Kelantan has a competitive advantage, while maintaining a sense of responsibility towards the public.*

*To encourage commercial activities and to create job opportunities while helping to promote economic growth and enhancing working relationship between the government sector, private sector and public at large.*

*To respect our customers and to reward their loyalty with superior service and best quality products through our dedication to excellence.*

*To uphold Islamic value as the guiding principles towards achieving corporate goals and "The Prosperity of the Ummah".*

*To produce a quality work-force by creating a conducive environment which will guarantee job enrichment and career advancement. An environment that will foster a spirit of teamwork, trust and mutual respect at every level within the organization.*

*To adopt proven best management practices and advanced technologies to guarantee efficient administration and cost effectiveness.*



**PENGERUS**  
*Chairman*

**YAB TUAN GURU DATO**  
**HJ. NIK ABDUL AZIZ B. HJ. NIK MA**

**Menteri Besar Kelantan**  
*Chief Minister of Kelantan*



YB Dato' Hj. Ahmad bin Yakob  
*Timbalan Menteri Besar Kelantan*  
*Deputy Chief Minister of Kelantan*  
*Timbalan Pengerusi/Deputy Chairman*



YB Dato' Hj. Mohd Aiseri bin Hj. Alias  
*Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan*  
*Kelantan State Secretary*

## AHLI LEMBAGA PENGARAH *BOARD OF DIRECTORS*



YB Dato' Hj. Mohd Faudzi bin Hj. Mamat  
*Pegawai Kewangan Negeri Kelantan*  
*Kelantan State Finance Officer*  
*Ahli/Member*



YB Dato' Hj. Husam bin Musa  
*Exco Kerajaan Negeri Kelantan*  
*Kelantan State Exco*  
*Ahli/Member*



YB Dato' Hj. Anuar Tan bin Abdullah  
*Exco Kerajaan Negeri Kelantan*  
*Kelantan State Exco*  
*Ahli/Member*



YBhg. Datuk Dr. Hj. Abdul Samad bin Hj. Alias  
*Ahli Perniagaan/Businessman*  
*Ahli/Member*





YBhg. Datuk Hj. Rameli bin Musa  
*Ahli Perniagaan/Businessman*  
*Ahli/Member*



YBhg. En. Azmi bin Mohd Ali  
*Ahli Perniagaan/Businessman*  
*Ahli/Member*




YBhg. Datuk Jalilah bt. Baba  
*Ketua Pengarah MIDA/MIDA Director General*  
*Ahli/Member*



YBrs. Hj. Mat Rani bin Saud  
*Timbalan Setiausaha Bahagian, Bahagian Perancangan*  
*Korporat Perbendaharaan Malaysia/*  
*Deputy Secretary Division,*  
*Corporate Planning Division Ministry of Finance*  
*Ahli/Member*

# STRUKTUR ORGANISASI PKINK



# KUMPULAN PENGURUSAN

## MANAGEMENT TEAM

- |  |    |
|--|----|
| Hj. Mohd Sabri bin Abdullah<br>Ketua Eksekutif Kumpulan<br><i>Group Chief Executive</i>  | 1  |
| Hj. Zainal bin Abdul Rahim<br>Timbalan Ketua Eksekutif/Deputy CEO<br>Pengurus Khidmat Teknikal/<br><i>Technical Services Manager</i>       | 2  |
| Hj. Nik Kamil Amirah bin Nik Ab. Rahman<br>Pengurus Kewangan<br><i>Finance Manager</i>   | 3  |
| Hjh. Nik Farzimar bt. Nik Omar<br>Pengurus Perancangan Korporat<br><i>Corporate Planning Manager</i>                                       | 4  |
| Hj. Baharuddin Harun<br>Pengurus Galakan Industri & IKS<br><i>Industrial Promotion &amp; SMI Manager</i><br>sehingga 2 September 2010      | 5  |
| Hj. Mohd Sanusi bin Ismail<br>Pengurus Galakan Industri & IKS<br><i>Industrial Promotion &amp; SMI Manager</i><br>bermula 3 September 2010 | 6  |
| Hj. Nik Mohamed Kamal bin Nik Yusoff<br>Pengurus Pengurusan Sistem Maklumat/<br><i>Management Information System Manager</i>               | 7  |
| Hj. Mohd Adilan bin Mat Jusoh<br>Pengurus Pengurusan Sumber Manusia<br><i>Manusia/Human Resource Management Manager</i>                    | 8  |
| Hj. Mohd Shah bin Abd. Kadir<br>Pengurus Projek & Hartanah/<br><i>Project &amp; Property Manager</i>                                       | 9  |
| Nor Azuwan bin Salleh<br>Pengurus Audit Dalaman/<br><i>Internal Audit &amp; Inspectorate Manager</i>                                       | 10 |
| Hj. Mohamed bin Ismail<br>Pengurus Pembangunan Usahawan/<br><i>Entrepreneur Development Manager</i>  | 11 |





KUMPULAN PENGURUSAN  
*MANAGEMENT TEAM*

Alhamdulillah, segala puji bagi Allah, Tuhan Yang Maha Berkuasa memiliki Kerajaan Langit dan Bumi serta selawat dan salam ke atas Junjungan Mulia, Nabi Muhammad S.A.W.

Assalamualaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Allah SWT berfirman (yang bermaksud):

*Wahai orang-orang yang beriman! Bertaqwalah kepada Allah (dengan mengerjakan suruhanNya dan meninggalkan laranganNya); dan hendaklah tiap-tiap diri melihat dan memerhatikan apa yang ia telah sediakan (dari amal-amalnya, untuk hari esok (hari akhirat)). Dan (sekali lagi diingatkan): Bertaqwalah kepada Allah, sesungguhnya Allah Amat Meliputi Pengetahuannya akan segala yang kamu kerjakan.* (Surah al-Hasyr, Ayat 18)

Setinggi-tinggi kesyukuran dipanjatkan ke hadirat Allah S.W.T kerana dengan restu dan limpah izin-Nya saya mewakili Ahli-ahli Lembaga Pengarah PKINK dengan berbesar hati membentangkan Laporan Aktiviti dan Penyata Kewangan PKINK yang telah diaudit bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2010.

Ekonomi Malaysia yang pada awalnya mencatat pertumbuhan yang kukuh sebanyak 10.1% pada suku pertama 2010, mengucup kepada 8.9% pada suku kedua dan 5.3% dicatatkan pada suku ketiga sebelum berada paras terendah iaitu 4.8% pada suku tahun keempat. Ianya didorong oleh permintaan dalam negeri yang kukuh namun permintaan luar negeri yang lemah. Pertumbuhan yang lebih lembap dalam ekonomi global telah menyebabkan pertumbuhan yang lebih lemah dalam permintaan luar negeri. Selain itu, pengaruh risiko luaran, di antaranya, bencana alam di Jepun, kebimbangan berterusan hutang kerajaan Kesatuan Eropah, harga komoditi yang meningkat dan tekanan inflasi global turut memberi impak kepada prestasi ekonomi Negara pada tahun 2010.

*The Malaysian economy made a grand entrance into Year 2010 with a two-digit growth of 10.1% in the first quarter. However, the growth slipped to 8.9% in the second quarter and continued its downslide to 5.3% in the third quarter. It hit rock-bottom at 4.8% in the fourth quarter. The contraction was more of a global phenomena, despite a very strong domestic demand. External trade was very much affected by weak demands from tsunami-hit Japan and debt-ridden European Union. High commodity prices and global inflationary pressure had further dampened the overall economic performance for the year.*

Sasaran Negara untuk mencapai status negara maju menjelang 2020, memerlukan pertumbuhan ekonomi sebanyak 6 peratus setahun. Tahap pertumbuhan ini memerlukan transformasi ekonomi yang struktural dan komprehensif.

*The National Target of achieving the developed country status come Year 2020 requires a minimum growth of 6% annually. Such momentum calls for a very structural and comprehensive transformation.*

Lantas itu, Program Transformasi Ekonomi (ETP) yang diperkenalkan Kerajaan merupakan satu perubahan pendekatan ketara yang bersandarkan kepada input daripada Majlis Penasihat Ekonomi Negara (NEAC). ETP memberi tumpuan kepada pemacu pertumbuhan utama atau Bidang Ekonomi Utama Negara (NKEA). Ia diasaskan kepada pertumbuhan yang diterajui dalam sektor swasta, di mana dijelaskan tindakan spesifik mengenai dasar dan pelaburan yang perlu, mempunyai hala tuju pelaksanaan yang telus dengan pengurusan prestasi yang mantap.

*Hence, from the inputs put forward by the National Economic Advisory Council, the Government of Malaysia has launched the Economic Transformation Program. The ETP focuses on the main propellers of growth, or better known as the National Key Economic Areas. The ETP will be private-driven, whilst the public sector will support in terms of favorable investment policies, transparent implementation process and sound performance management.*

Ekonomi Kelantan adalah unik berbanding negeri-negeri lain berikutan ia di bangunan berlandaskan kepada perundangan Islam. Pelaksanaan pembangunan negeri berasaskan Islam direncanakan menerusi Dasar Membangun Bersama Islam (DMBI) dan ianya terbukti telah berjaya membawa Kelantan ke tahap pembangunan ekonomi dan sosial yang seimbang serta memberangsangkan, berbanding sebelum perlaksanaannya.

*The economy of Kelantan is unique compared to other states in Malaysia. The state developments activities are governed by a special policy, termed Grow with Islam, which dictates that growth must be balanced economically, socially and spiritually.*

YAB TUAN GURU DATO' HJ. NIK ABDUL AZIZ B. HJ. NIK MAT



PERUTUSAN Pengerusi  
*Chairman's Statement*

Dominasi Pengusaha Kecil & Sederhana (SMEs) dalam kegiatan ekonomi negeri Kelantan ini juga merupakan kuesyen utama yang meminimalkan impak kerapuhan ekonomi global ke atas kerancangan pembangunan negeri. Ini dapat dilihat dengan jelas dari kuasa membeli rakyat negeri ini contohnya unit-unit hartanah yang terjual dalam tempoh yang singkat sebaik dilancarkan, serta pelaburan dalam komoditi emas yang bagai tiada penghujung. Keunikan Kelantan dari segi penawaran produk pelancongan yang pelbagai contohnya pelancong yang datang mengimarahkan Qaryah Ramadhan telah meningkatkan jumlah bilangan kedatangan pelancong ke Kelantan sebanyak 10.7% pada tahun 2010 berbanding tahun sebelumnya.

*The resilient small-to-medium size entrepreneurs which dominate Kelantan has proven to cushion any major impact of the global meltdown from affecting the state's economic activities. Such domination has created a strong purchasing power among the locals. This is evident when property units were sold-out upon launching and there seems to be not enough of gold instruments for local investment. The uniqueness of Kelantan extended to its Islamic product offering. For example, tourists are flocking the state during the month of Ramadhan to be part of the biggest "outdoor" mosque in Malaysia, or better known as Qaryah Ramadhan. Such activities has helped to increase the inflow of tourist by 10.7% from the previous year.*

Sepanjang tahun 2010, PKINK terus gigih memacu ekonomi negeri bersama 22 syarikat-syarikat anak kumpulanya yang menerajui dalam pelbagai bidang termasuklah perladangan, perkhidmatan, hartanah, pelancongan, sumber galian, pertanian dan perikanan.

*Throughout the year 2010, PKINK and its 22 subsidiaries continue to spearhead the state's economic activities within the broad sectors of plantation, services, property, tourism, mining, agriculture and forestry.*

Pada tahun 2010, purata harga komoditi buah tandan segar (BTS) meningkat sebanyak 30.3 peratus kepada RM605 satu tan berbanding RM465 satu tan pada tahun 2009. Harga komoditi yang meningkat tinggi ini dipengaruhi oleh pengurangan pengeluaran global serta peningkatan dalam permintaan membantu melonjak pendapatan sektor perladangan yang menjadi penyumbang terbesar pendapatan kumpulan yang ditunjangi oleh Syarikat Ladang Sungai Terah.

*Year 2010 saw the price of Palm Oil Fresh Fruit Bunch jolted up by 30.3% to RM605 per mt, compared to RM465 per mt in year 2009, due to an increasing global demand which is unmatched by the lower global production. This favourable condition has resulted into higher revenues for our plantation companies which are led by Sykt Ladang Sg Terah Sdn Bhd.*

Persaingan sengit pemain industri telekomunikasi yang kini turut tertumpu di Kelantan telah melimpahkan pendapatan kepada syarikat induk sektor perkhidmatan iaitu Permodalan Kelantan Berhad (PKB), melalui syarikat anaknya Infra Quest Sdn Bhd yang memegang lesen sebagai penyedia infrastruktur telekomunikasi serta fasiliti rangkaian untuk negeri Kelantan serta ASCII Line Sdn Bhd sebagai kontraktor pembinaan menara telekomunikasi. Jumlah pendapatan dari subsektor ini dalam tahun 2010 adalah sebanyak RM12,132,195. Sehingga akhir tahun 2010, jumlah menara telekomunikasi yang dibina dan disewakan ialah sebanyak 168 unit.

*Intense competition among the local telco players for wider coverage and better service has directly benefited PKINK's service-based holding company Permodalan Kelantan Berhad via its subsidiary Infra Quest Sdn Bhd, who owns the telecommunication towers and holds the Network Services Provider license for Kelantan, and another subsidiary ASCII Line Sdn Bhd which construct the towers. As at year end 2010, IQSB owns 168 towers and lampholes, and the total income from those tower throughout the year amounted to RM12,132,195.*

Rangkaian Pajak Gada Islam Ar-Rahn utuh sebagai institusi kewangan alternatif terutamanya dalam membantu masyarakat Islam serta usahawan kecil yang memerlukan pinjaman segera sebagai modal pusingan perniagaan. Volume gadaian yang tinggi telah menghasilkan pendapatan besar kepada PKB walaupun upah simpanan yang dikenakan adalah minima. Jumlah gadaian untuk 25 cawangan dalam tahun 2010 adalah sebanyak RM14,151,408, berbanding jumlah gadaian RM 9,672,661 dari 23 cawangan untuk tahun 2009. Cawangan yang baru dibuka dalam tahun 2010 ialah di Jeli iaitu pada 7 Oktober 2010 dan di Sentul pada 17 Disember 2010.

*The Arrahn Islamic pawn-outlets remain the frontrunner in offering an alternative micro financing to the Muslim community at large, especially to small traders in dire need for working capital. Despite minimal charges, the massive and repetitive volume of transactions in its 25 outlets has contributed a total income of RM14,151,408, in year 2010, more than 30% higher compared to the earnings of RM9,672,661 from 23 outlets in 2009. The two additional outlets are in Jeli and Sentul, which were launched on 7th October and 17th December, respectively.*



Situasi nilai hartanah di Kelantan yang kian melonjak dijadikan asas kepada syarikat-syarikat hartanah kumpulan PKINK iaitu Binaraya, Kelkon, SPP Development Sdn Bhd dan Profil Impian untuk mengukuhkan kedudukan mereka. Pendapatan dari jualan unit perumahan dan komersil bagi tahun 2010 adalah sebanyak RM45,416,219 manakala kontrak pembinaan menyumbangkan RM43,628,684 kepada pendapatan kumpulan.

*The boom experienced by the Kelantan property market in the recent years is definitely a major boon for all the property-based companies within our stable. Binaraya PKINK Sdn Bhd, Kelkon Sdn Bhd, SPP Development Sdn Bhd, Profil Impian Sdn Bhd and Sinaran Pantai Timur Consortium Berhad have further strengthened their presence albeit stronger competition from individual developers and contractors. Revenue from the sale of both residential and commercial units between those companies for the year 2010 amounted to RM45,416,219, while Kelkon's construction activities generated RM43,628,684 to the group's total income.*

Antara projek-projek hartanah yang dilaksanakan dalam tahun 2010 ialah projek pembangunan rumah teres mukim Maka Tanah Merah, perumahan bercampur Kota Warisan di Mukim Selehong Utara, rumah kedai di Jalan Dusun Muda, 160 unit teres Taman Kifayah Binaraya (Fasa 1 & 2) di Jeli, 28 unit teres Desa Mardhiah Binaraya (Fasa 1B) di Kota Bharu, 37 unit teres Desa Ar-Rahman Binaraya, (Fasa 1B) di Kuala Krai, 42 unit teres Perumahan PKINK Machang (Fasa 4B & 5B), 16 unit banglo di Taman Cahaya Binaraya, (Fasa 2A) Tanah Merah, 9 unit banglo di Taman Sri Mesa Binaraya (Fasa 1D) Pasir Mas, 16 unit banglo di Taman Binaraya 3 Pasir Tumbuh, 90 unit teres di SPP Kota Warisan, Tumpat dan lain-lain.

*Among the residential units built in year 2010 are single-storey terrace houses in MAKA Tanah Merah, 90 units terrace-house in Kota Warisan, Selehong Utara, 160 units terrace-house in Taman Kifayah, Jeli, 28 units terrace-house in Desa Mardhiah Kote Bharu, 37 units terrace-house in Desa Ar-Rahman Kuala Krai, 42 units terrace-house in Machang, 16 units bungalow in Taman Cahaya Tanah Merah, 9 units bungalow in Taman Sri Mesa Pasir Mas, and 16 units bungalow in Pasir Tumbuh.*



Melalui konsep 'Bertani Satu Ibadah', sektor pertanian tetap menjadi fokus Kerajaan Negeri melalui syarikat Kumpulan PKINK. Sehubungan dengan itu, syarikat milik kumpulan PKINK iaitu Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad terlibat secara aktif dalam sektor ini, termasuklah pemuliharaan tanah terbiar, perladangan buah-buahan, disamping mengeluarkan baja padi subsidi untuk Kerajaan Negeri.

*The state government of Kelantan has launched the concept of "Farming is a Devotion" to encourage land owners to cultivate their land commercially and at the same time to lure youngsters from migrating to other cities and opt for commercial farming as their profession. One of the agriculture wings for the state government in our holding company for agro-based activities, namely, Kumpulan Pertanian Kelantan Berhad, KPKB aggressively engage itself and its subsidiaries in various agro-ventures including land rehabilitation, orchard development and manufacturing subsidized paddy fertilizers for the state.*

KPKB juga berhasrat untuk merencanakan lagi pembangunan pertanian hawa sederhana di Tanah Tinggi Lojing melalui usahasama membangunkan sebuah Pusat Pengumpulan, Pemrosesan dan Pembungkusan di atas tapak milik syarikat DAMAI Sdn Bhd.

*KPKB's continuous efforts over the past several years to turn the Lojing Highland into a centre for temperate agro-products finally materialise with a venture to jointly establish a Collection, Processing and Packaging Centre in Lojing, on a site owned by its subsidiary DAMAI Sdn Bhd.*

Selaras dengan konsep BSI di atas serta prinsip "Membangun Bersama Islam" yang didokong oleh Kerajaan Negeri PKINK meneruskan usahasama dengan Majlis Pembangunan Wilayah Ekonomi Pantai Timur (ECER) untuk membangunkan dua Taman Perindustrian di atas tanah milik PKINK, iaitu Taman Halal di Mukim Apam Pasir Mas dan Taman Perikanan Bersepadu di Tok Bali. Kerja-kerja infrastruktur untuk Taman Halal Pasir Mas telahpun bermula dalam tahun 2010 ini manakala Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali masih dalam kajian Strategi Pelaksanaan oleh perunding ECERDC.

*The impending collaboration between PKINK and the East Coast Economic Region Development Council (ECERDC) to develop two industrial parks in Kelantan showed further positive progress in year 2010. Land preparation and infrastructure work for the Halal Industrial Park Pasir commenced in July 2010, while the feasibility study for the Tok Bali Integrated Fishery Park is being finalised.*

Dalam tahun 2010 juga, dua projek sosial kerjasama PKINK dengan ECERDC iaitu Program Suri@Home Cendawan dan Vermicompose diteruskan dan berjaya memberikan pendapatan tambahan kepada 21 isi rumah.

*The two social projects collaborated with ECERDC in year 2009, namely the Mushroom Farming and Vermicompost production came in full bloom in year 2010, and has benefited 21 households.*

Tahun 2010 juga merupakan tahun akhir pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke9 dan PKINK telah mendapat peruntukan tambahan sebanyak RM3.13juta dari Kementerian Kewangan untuk menyempurnakan pembangunan projek Gerai Tok Bali di Pasir Puteh serta Medan Ikan Bakar di Kedai Buloh. Kedua-dua projek ini dijangka akan mula beroperasi sepenuhnya dalam tahun 2011.

*The 9th Malaysia Plan ended in year 2010 and during the final months, PKINK was granted an additional funding of RM3.13million from the Ministry of Finance. The funds are allocated to further enhance and complement the offerings of PKINK's two newly constructed food-courts. The food-courts are in Tok Bali and Kedai Buloh.*

Berpegang kepada misi untuk menjadi sebuah badan korporat yang bertanggungjawab dalam meneraju pembangunan dan pertumbuhan ekonomi Negeri Kelantan, berlandaskan prinsip-prinsip Islam, untuk kesejahteraan Ummah, serta mengamalkan budaya kerja berteraskan Ibadiah, Masuliah dan Itqan, PKINK serta syarikat-syarikat dalam kumpulan telah berjaya mencapai kejayaan sepertimana disasarkan.

*The achievement of PKINK and its subsidiaries thus far is a good example of becoming a corporate body with the responsibility to spearhead the state's economic development from Islamic principles of Tafaqur, Submission to Allah, Accountability and Excellence.*



## PRESTASI KEWANGAN/FINANCIAL PERFORMANCE

### PERBADANAN

Bagi tahun kewangan yang berakhir pada 31 Disember 2010 pendapatan operasi Perbadanan telah menurun kepada RM 18.638 juta berbanding pada tahun 2009 berjumlah RM 24.518 juta. Penurunan sebanyak 23.9% ini disebabkan oleh penurunan jualan projek sebanyak RM 6.104 juta manakala terdapat kenaikan dari hasil sewa bangunan Perbadanan sebanyak RM 0.593 juta.

*For the year ended 31 December 2010, the Corporation's operating income dropped 23.9% to RM18.638million from RM24.518million recorded in year 2009. The drop was attributed to lower income from development projects, which are RM6.104million less compared to last year. Income from rental of buildings and office space are up by RM0.593million.*

Pendapatan bukan operasi pada tahun 2010 telah meningkat kepada RM 7.428 juta berbanding RM 6.738 juta pada tahun lepas. Peningkatan sebanyak 10% ini di sebabkan oleh pendapatan daripada pemulihan hutang lapuk dan sedikit peningkatan dalam keuntungan pefaburan ar-rahm.

*Non-operating income for year 2010, however, increased by 10% to RM7.428million, from RM6.738million last year. This is due to some recovery from bad debts written-off, as well as better profit from PKINK's investment in Arrahn.*

Bagi segmen perbelanjaan pula, belanja operasi dan kendalian meningkat sebanyak 7.7% kepada RM 19.42 juta berbanding dengan tahun 2009 sebanyak RM 18.04 juta di sebabkan oleh peningkatan dalam perbelanjaan semasa dan tanggung jawab korporat (CSR).

*On the expenditure side, operating expenses has risen by 7.7% from RM18.04million in year 2009 to RM19.42million in year 2010, mainly due to higher contribution for CSR purposes.*

Pengucupan dalam pendapatan operasi dan sedikit peningkatan dalam belanja operasi dan kendalian telah menyebabkan keuntungan bersih Perbadanan telah menurun kepada RM 1.44 juta berbanding dengan tahun 2009 sebanyak RM 2.903 juta.

*The net effect of lower revenue as oppose to higher expenditure has shrunk the Corporation's profit for the year 2010 to RM1.44million, from RM2.903million charted in year 2009.*

### KUMPULAN /GROUP

Kumpulan PKINK telah mencatat pendapatan pada tahun 2010 sebanyak RM 263.980 juta, mewakili peningkatan sebanyak 14% berbanding tahun sebelumnya iaitu RM 232.562 juta. Faktor utama ialah hasil sumbangan dari sektor perladangan juga merupakan penyumbang terbesar pendapatan kumpulan dengan mencatatkan penambahan berjumlah RM 12.485 juta hasil dari harga komoditi yang kekal tinggi akibat pengurangan pengeluaran di peringkat global. Ini diikuti oleh sektor hartanah yang mana mencatat peningkatan dalam pendapatan diperolehi sebanyak RM13.189 juta, dipacu oleh pasaran hartanah di Kelantan yang kian melonjak.

*Revenue from the services sector join the bandwagon at number three with an increase of RM5.855million, mainly from its intensely competitive telecommunication subsector. The Group has charted an increase in total revenue by 14% to RM263.980million in year 2010, from RM232.562million the year before. The largest contributor to the increase is the property sector. Booming market has catapulted the revenue from this sector by RM13.189million. The plantation sector followed second, whereby higher commodity prices have jolted the revenue from this sector by RM12.485million.*

Sektor perkhidmatan yang secara keseluruhannya meningkat sebanyak RM 5.855 juta, terutama hasil dari projek telekomunikasi berikutan pertumbuhan mampan industri telekomunikasi yang dipengaruhi oleh persaingan sengit pemain utama industri.

*Revenue from the services sector join the bandwagon at number three with an increase of RM5.855million, mainly from its intensely competitive telecommunication subsector.*

Sementara itu, kesan dari peningkatan sebanyak 10.7% jumlah kehadiran pelancong ke Kelantan pada tahun 2010 berbanding tahun 2009, telah banyak membantu sektor pelancongan dengan mencatat jumlah peningkatan dalam pendapatan sebanyak RM 1.869 juta.

*The spill-over from an increase of 10.7% in the number of tourists coming to Kelantan, from year 2009 to year 2010 can be felt by the hotels within our stable, charting a small but significant increase in revenue by RM1.869million.*

Impak lonjakan pendapatan kumpulan turut memberikan momentum yang sama pada keuntungan kasar diperoleh, iaitu meningkat kepada RM 105.211 juta dalam tahun 2010 berbanding RM 83.175 juta pada tahun sebelumnya. Walaupun belanja mengurus dan kendalian serta belanja kewangan masing-masing meningkat kepada RM 77.709 juta dan RM 5.144 juta, namun ia telah diimbangi oleh lain-lain pendapatan diperoleh dan perkongsian keuntungan syarikat bersekutu masing-masing berjumlah RM 18.675 juta dan RM 1.985 juta, menjadikan keuntungan sebelum cukai yang berjaya dicatatkan berjumlah RM43.019 juta berbanding hanya RM 22.947 juta pada tahun 2009.

Peningkatan tersebut turut memberikan pengaruh yang sama terhadap keuntungan bersih selepas cukai dan kepentingan minoriti kumpulan pada tahun 2010 yang berjumlah RM 31.307 juta, iaitu 81% melepasi pencapaian tahun 2009 yang berjumlah RM 17.339 juta.

*The momentum was sustained to the bottom-line, by the earnings from non-operating sources of RM18.675million and profits from associated companies of RM1.985million, although the Administrative and Operating expenses, as well as the Financing Cost has risen to RM77.09million and RM5.144million respectively. The net result was a higher profit before tax of RM43.019million for year 2010, compared to RM22.947million recorded in year 2009. After deduction of tax and minority interest, the group's Profit for the Year 2010 came to RM31.307million which is 81% higher compared to RM17.339million charted in year 2009. A leap of such quantum in revenue have posted the same growth on the group's Gross Operating Profit which has also risen to RM105.211million in year 2010, from RM83.175million the year before.*


## PENGHARGAAN

Bagi pihak PKINK, saya merakamkan setinggi-tinggi penghargaan serta terima kasih kepada Ahli-ahli Lembaga Pengarah, Pihak Pengurusan serta seluruh anggota PKINK di atas semangat yang kental, usaha nan gigih dan istiqomah yang telah ditunjukkan sepanjang tahun 2010. Saya juga mengucapkan terima kasih terutama kepada Kerajaan Persekutuan, Kerajaan Negeri Kelantan, Jabatan dan Agensi Kerajaan, individu serta syarikat swasta yang turut memberi sokongan padu serta kerjasama erat kepada PKINK dengan harapan agar jalinan kerjasama dapat diteruskan, diperkukuhkan dan dikembangkan di masa hadapan.

Sekian,

Salam hormat.

YAB TUAN GURU DATO' HJ. NIK ABDUL AZIZ B. HJ. NIK MAT  
Pengerusi Perbadanan Kemajuan Iktisad Negeri Kelantan (PKINK)  
merangkap Menteri Besar Kelantan Darul Naim.



# LAPORAN KORPORAT

## BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA

Bahagian Pengurusan Manusia memainkan peranan penting dalam menguruskan tenaga kerja bagi memastikan ianya berada pada tahap kecekapan yang memuaskan dan digunakan seoptimum mungkin.

Di samping itu, bahagian ini juga bertanggungjawab dalam memastikan kecekapan pentadbiran dan pengurusan dengan menyediakan latihan atau kursus yang sesuai mengikut keperluan anggota.

Dalam usaha memantapkan dan mempertingkatkan keupayaan serta tahap kecekapan anggota dalam organisasi, PKINK sentiasa membuat semakan dan meneliti kedudukan semua anggota terutama dari segi penempatan kerja dan keperluan tugas bagi memastikan kesesuaian dan keberkesanan tugas di semua peringkat pengurusan atau pentadbiran.

Bagi meningkatkan tahap ilmu pengetahuan dan memberi pendedahan kepada anggota PKINK pula, beberapa program kursus, latihan dan ceramah telah disusun sepanjang tahun. Antaranya ialah Kursus Pengurusan Harta dan Aset Kerajaan, Bengkel Intensif Perkhidmatan Pelanggan Barisan Hadapan, Ceramah Persekitaran Berkualiti (5S) dan Ceramah-Ceramah Agama bagi meningkatkan kualiti dan integriti anggota-anggota PKINK.

Selain itu, anggota-anggota juga telah diberi peluang untuk mempertingkatkan kemahiran dan keupayaan diri bagi memantapkan kecekapan tugas dengan mengikuti kursus-kursus yang dianjurkan oleh INTAN, Pejabat Setiausaha Kerajaan Negeri Kelantan dan badan-badan profesional yang lain.

## BAHAGIAN PERANCANGAN KORPORAT

Bagi tahun 2010, Bahagian Perancangan Korporat meneruskan objektif dan peranannya bagi memastikan setiap penglibatan Kumpulan Perbadanan dalam aktiviti pelaburan baik secara langsung mahupun melalui syarikat anak, memberikan pulangan yang menepati sasaran PKINK. Ini bertujuan memastikan agar operasi dan pengurusan kewangan Perbadanan dan syarikat-syarikat anak adalah selaras dengan matlamat asal penubuhan serta perancangan jangka panjang masing-masing.

### i) Pemantauan Syarikat Anak

Sejumlah 22 syarikat anak kumpulan berada di bawah pemantauan dan seliaan Bahagian Perancangan Korporat. Bagi memastikan prestasi syarikat anak tersebut berada ditahap yang optimum, penelitian dan analisa sentiasa dibuat ke atas akaun pengurusan bulanan yang dihantar oleh setiap syarikat.

Bagi meningkatkan lagi prestasi keseluruhan PKINK dan syarikat kumpulan, konsultan Insight Value Sdn Bhd telah dilantik bagi merangka pelan transformasi serta menyediakan profil risiko. Dari penemuan yang telah dibuat, pelbagai saranan disyorkan oleh konsultan tersebut bagi meningkatkan dayahidup, dayamaju dan dayaasaing keseluruhan Kumpulan bagi memastikan visi dan misi syarikat dapat dicapai.

### ii) Sekretariat Untuk Jawatankuasa Pelaburan PKINK

BPK juga dilantik sebagai sekretariat untuk Jawatankuasa Pelaburan PKINK yang berfungsi untuk menilai dan memperakukan semua cadangan pelaburan baru oleh PKINK dan syarikat kumpulan. Selain memastikan cadangan yang diluluskan oleh Lembaga Pengarah dilaksanakan dengan lancar dan sempurna, semua isu dan permasalahan berkaitan dengan pembangunan projek-projek dapat dikenalpasti secara memformulasi kaedah penyelesaian dalam menangani masalah yang dihadapi dengan cepat.

### iii) Penyelaras Projek Rancangan Malaysia Lima Tahun

Bermula Februari 2010, BPK memulakan proses penyediaan untuk mengemukakan cadangan-cadangan projek bagi mendapatkan peruntukan Kerajaan Persekutuan dibawah Plan Pusingan Pertama Rancangan Malaysia Kesepuluh (RMK10) yang akan bermula pada tahun 2011.

BPK turut berfungsi sebagai penyelaras permohonan-permohonan geran serta menyediakan laporan-laporan mengenai perbelanjaan peruntukan RMK9 untuk dimaklumkan kepada Kementerian Kewangan (MOF). BPK telah membuat permohonan peruntukan tambahan sebanyak RM7.355 juta dalam tahun 2010 dan diluluskan oleh MOF. Dari jumlah RM12.967 juta tersebut, BPK telah berjaya membuat pengeluaran berjumlah RM5.535 juta dimana

peruntukan ini telah digunakan bagi membiayai projek-projek Gerai Tok Bali dan Medan Ikan Bakar di Kg Siti Mani. Dalam masa yang sama, BPK juga menyediakan laporan-laporan pelaksanaan projek-projek RMK9 kepada MOF dan juga Jabatan Pembangunan Persekutuan (JPP) Negeri Kelantan.

#### IV) Penyelarasan Projek Koridor Ekonomi Pantai Timur (ECER)

Sepanjang tahun 2010, BPK meneruskan peranan sebagai penyelaras antara PKINK dengan ECERDC bagi projek-projek penanaman cendawan dan baja vermicompos.

PKINK, dengan kerjasama ECERDC telah memulakan kerja-kerja pembangunan tanah dan infrastruktur bagi Pembangunan Taman Industri Halal Fasa 1 di atas tanah milik PKINK seluas 50 ekar di Mukim Apam Pasir Mas. Pemilikan tapak oleh kontraktor Fajarbaru Builder Sdn Bhd bermula 1 November 2011 pada nilai kontrak RM36.469 juta dengan tarikh jangkaan siap 31 Januari 2012.

Pihak ECERDC juga telah memasukkan tanah perindustrian milik PKINK seluas 43 ekar di Gong Kulim, Tok Bali, Pasir Puteh dalam pelan induk pembangunan Taman Perikanan Bersepadu Tok Bali, bersama dengan tanah-tanah bersebelahan milik Jabatan Perikanan, Lembaga Kemajuan Perikanan Malaysia (LKIM) serta Majlis Amanah Rakyat (MARA).

#### V) Kolaborasi Industri-Agensi Swasta

Dalam bulan Ogos 2010, PKINK telah berurusan dengan SIRIM BERHAD bagi membuat kajian yang menyeluruh ke atas Kompleks Pengeluaran Produk-Produk Halal di Pengkalan Chepa, Kota Bharu serta mengemukakan syor atau cadangan penambahbaikan dan menaiktaraf premis-premis kilang di kompleks tersebut bagi tujuan mendapatkan Pensijilan Halal, Amalan Pengilangan yang Baik (GMP) dan Titik Kawalan Kritikal Analisis Bahaya (HACCP) dan menyediakan modal kerja berbentuk dana pusingan.

## BAHAGIAN MIS

Pengurusan Sistem Maklumat merupakan bahagian yang bertanggungjawab menyediakan kemudahan IT kepada PKINK dan syarikat anak. Pada tahun ini, bahagian MIS telah berjaya melaksanakan sebahagian besar aktiviti yang dirancang seperti berikut:

#### I) Sewaan dan Latihan di Makmal Siber PKINK

Selain daripada memberi khidmat sewaan kepada institusi luar seperti MDEC, khidmat latihan kepada anggota dan program cuti sekolah juga di adakan di Makmal Siber PKINK. Di antara program yang berjaya dilaksanakan ialah kelas Joomla dan Adobe Photoshop kepada anggota Perbadanan dan kelas Microsoft Word, Excel, penggunaan internet dan lain-lain kepada anak-anak anggota Perbadanan.

#### II) Penyelenggaraan Komputer

Ops Senggara dan Audit komputer telah dijalankan pada bulan Jun hingga Julai 2010 melibatkan 109 buah komputer yang telah diselenggara dan diaudit. Penyelenggaraan komputer di makmal Siber dilakukan secara berkala iaitu pada setiap dua bulan bagi memastikan fasiliti dan perkakasan komputer berada pada tahap yang terbaik.

#### III) Khidmat Rangkaian

Sistem rangkaian di PKINK sentiasa dipantau dari semasa ke semasa bagi memastikan operasi rangkaian berjalan lancar serta bebas daripada sebarang ancaman dan pencerobohan luar yang boleh mengganggu kelicinan operasi dan keselamatan rangkaian.

#### IV) Sistem Kewangan dan Sistem Gaji

Proses migrasi data Sistem Kewangan (Visual Finance) dan Sistem Gaji kepada Sistem Kewangan dan Sistem Gaji yang dibekalkan oleh syarikat Karensoft Sdn Bhd telah dilaksana serta digunakan sepenuhnya oleh Bahagian Kewangan pada pertengahan tahun 2010. Latihan pengendalian sistem telah diberi oleh pihak pembekal kepada Bahagian



Kewangan dan Bahagian MIS bagi memastikan pengguna memahami proses sistem supaya dapat menggunakannya dengan lancar. Secara keseluruhannya, sistem 'backup' dibuat mengikut jadual, manakala penduaan (duplicating) data-data yang penting dilakukan mengikut rutin harian dan juga mengikut keperluan pengguna.

#### V) Dokumen Management dan My Meeting

Bahagian MIS telah menjalankan ujian ke atas dua perisian sistem terbuka (Open Source) iaitu Document Management daripada NUXEO dan My Meeting daripada OSCC. Sistem ini masih dalam proses ujian kesesuaian.

#### VI) Pembangunan Semula Laman Web

Pembangunan web baru PKINK yang berkonsepkan CMS sedang dibangunkan bagi memudahkan kerja-kerja penyelenggaraan dan pengemaskinian maklumat oleh bahagian berkaitan. Kaedah ini diambil sebagai langkah untuk menjamin kandungan maklumat di laman web PKINK adalah tepat dan terkini. Sementara itu, pengemaskinian web PKINK sedia ada masih diteruskan.

## BAHAGIAN GALAKAN INDUSTRI & IKS

Bahagian Galakan Industri & IKS meneruskan tanggungjawab dengan penumpuan kepada aktiviti penggalakan dan pembangunan Kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II dan Gua Musang. Peranan utama bahagian ini diteruskan dengan usaha untuk mengisi kekosongan lot-lot kilang sedia ada dan bangunan kilang sedia bina dengan pelabur-pelabur tempatan dan juga pelabur luar.

Di samping itu, Bahagian ini sentiasa menjalankan semakan dan pemantauan bagi memastikan para pelabur yang telah membuat pembelian tanah lot kilang melakukan pembayaran mengikut jadual yang telah ditetapkan. Bagi premis kilang yang disewa (kilang siapbina dan inkubator), tindakan yang efisien sentiasa diambil bagi memastikan kutipan sewa berjalan dengan lancar.

Bahagian ini juga dari semasa ke semasa mengadakan pemantauan terutama ke atas tapak tanah yang telah dijual bagi memastikan pelabur-pelabur yang telah membeli tanah tersebut mendirikan kilang dan memulakan operasi. Usaha-usaha juga dilakukan bagi membantu proses pindahmilik tanah yang telah dibeli daripada Perbadanan kepada pembeli yang menjelaskan bayaran sepenuhnya dengan menyediakan kertas kerja permohonan pindah milik untuk diangkat kepada Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri.

Bahagian ini turut mengadakan kerjasama dengan Lembaga Kemajuan Perindustrian Malaysia (MIDA) Negeri Kelantan dan Jabatan Kerja Raya Negeri Kelantan bagi meningkatkan kemudahan infrastruktur di kawasan Perindustrian Pengkalan Chepa II. Di antara tindakan yang dilakukan adalah menambahkan bilangan lampu jalan, menurap dan menaiktaraf jalan sedia ada serta membersihkan longkang-longkang di sekitar kawasan industri.

## BAHAGIAN PEMBANGUNAN USAHAWAN

Bahagian Pembangunan Usahawan bertanggungjawab melaksanakan misinya dalam menyediakan pelbagai program latihan dan kemahiran serta penyediaan pelbagai infrastruktur sejajar peranannya untuk melahir dan membimbing usahawan Islam yang berilmu dan bertaqwa, selaras dengan konsep Masyarakat Perdagangan dan Perindustrian Bumiputera (MPPB) yang berkualiti.

Sepanjang tahun 2010, Bahagian Pembangunan Usahawan selaku Sekretariat Program Usahawan Muda (PUM) Negeri Kelantan telah memilih, merancang, melatih dan membimbing para pelajar dari 44 buah sekolah dari seluruh negeri Kelantan. Di antara program-program yang telah dilaksanakan ialah Taklimat Kepada Guru-Guru Pembimbing, Seminar Ahli Lembaga Pengarah, Seminar Keusahawanan PUM, Latihan Kepada Pegawai Pembimbing, Konvensyen Peringkat Negeri dan juga Konvensyen Program Usahawan Muda Peringkat Nasional.

Selain itu, kursus dan latihan untuk peningkatan Usahawan secara lebih praktikal telah dirangka dan dilaksanakan seperti Seminar Pendedahan Francais, Kursus Pengurusan Kewangan, Kursus Pelabelan dan pembungkusan produk halal, Seminar Perunding Amanah dan Kursus Untuk Bakal Pesara.

Bahagian Pembangunan Usahawan juga meneruskan pelaksanaan projek-projek yang telah mendapat geran Kerajaan Pusat dalam tempoh RMK9, iaitu Kompleks Pengeluaran Produk Halal Pengkalan Chepa, Medan Ikan Bakar di Kedai Buluh, Gerai Tok Bali Fasa II serta kerja-kerja membaikpulih kerosakan yang berlaku di Projek Autocity Pengkalan Chepa.

## SEKTOR PERLADANGAN

### SYARIKAT LADANG SUNGAI TERAH

Sepanjang tahun 2010, aktiviti utama perniagaan Syarikat Ladang Sungai Terah Sdn Bhd adalah meneruskan pembangunan Ladang Rakyat Lubok Bongor seluas 3,335 ha, Ladang Tapis seluas 1,889 ha, Ladang Kuala Balah seluas 1852 ha dan juga Ladang Nenggeri seluas 4,048 ha, di samping meneruskan aktiviti perladangan yang sedia ada, di Ladang Kelasa seluas 2,614 ha dan di Ladang Subong di 2,783 ha.

Kerja-kerja pembangunan Fasa II di Ladang Kuala Balah hampir siap dan baki kawasan seluas 220 ha dicadang ditanam dengan getah. Kerja-kerja pembangunan di Ladang Rakyat Lubok Bongor I telah selesai dan sementara kerja-kerja pembangunan di Ladang Rakyat Lubok Bongor II sedang giat dilaksanakan.

Pada masa ini, SLST sedang merancang untuk membina sebuah kilang memproses buah sawit segar dengan kapasiti 30mt/jam di Jeli yang dijangka menelan kos RM 45 juta. Bagi tujuan tersebut, SLST telah memulakan beberapa langkah seperti mengenalpasti tanah bagi tapak kilang, pelantikan penasihat teknikal, tawaran tender kepada pembina, pengambilan balik tanah untuk pembinaan jalan ke kilang, kajian tanah tapak kilang dan perkara-perkara yang berkaitan.

Pada tahun 2010 juga, pihak SLST telah membayar sejumlah RM 2,816,270 kepada Perbadanan Ladang Rakyat Negeri Kelantan sebagai balasan kepada kebenaran mengusahakan Ladang Rakyat Lubok Bongor dan Ladang Kuala Balah.

Di samping itu, SLST juga sedang giat mempertingkatkan usaha bagi menyediakan kemudahan tempat tinggal yang kondusif kepada warga kerja dan yang lebih penting ialah meningkatkan budaya I.M.A.N di kalangan warga kerja selaras dengan matlamat PKINK dan Kerajaan Negeri.

② pemrosesan produk halal  
③ lopi karpas di Ladang Kala  
③ Pusat Penghasilan dan Kawasan Pendedahan di



## SEKTOR PERKHIDMATAN

### 1. PERMODALAN KELANTAN BERHAD

Permodalan Kelantan Berhad (PKB) merupakan syarikat induk kepada tiga buah syarikat dan dua unit bisnes yang bergiat di dalam sektor perkhidmatan, iaitu Infra Quest Sdn Bhd, ICT Incubator Centre Sdn Bhd dan UB Consult Sdn Bhd.

